

TATATERTIB DAN ETIKA PAKAIAN PELAJAR

Dalam usaha memantapkan pengurusan tatatertib pelajar, Unit Tatatertib Pelajar telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan pelajar mematuhi peraturan-peraturan, atau mana-mana garis panduan, arahan, petunjuk, sekatan, syarat atau terma yang dikenakan atau diberikan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999. Di bawah kaedah ini, sekiranya seseorang pelajar melakukan suatu kesalahan tatatertib, Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar boleh mendakwa dan mengenakan hukuman kepada pelajar berkenaan setelah perbicaraan dijalankan.

Apabila seseorang pelajar telah didapati bersalah, Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar hendaklah mengenakan ke atas pelajar tersebut satu (atau gabungan dua atau lebih) daripada hukuman yang dinyatakan dalam Kaedah 48, iaitu:

- (i) amaran;
- (ii) denda tidak melebihi dua ratus ringgit;
- (iii) dilarang berada di mana-mana bahagian atau bahagian- bahagian tertentu Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
- (iv) digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
- (v) dipecat dari Universiti.

Laporan berkenaan dengan kesalahan tatatertib pelajar akan dihantar kepada pihak Universiti dan ibu bapa atau penjaga pelajar berkenaan. Sekiranya pelajar pemegang biasiswa, laporan tersebut akan turut dihantar kepada badan penaja biasiswa itu dan jika pelajar berkenaan seorang penjawat awam, laporan akan turut dihantar kepada Ketua Jabatan/majikan pelajar tersebut.

PERATURAN BERKAITAN ETIKA BERPAKAIAN DAN SAHSIAH RUPA DIRI PELAJAR

Pelajar hendaklah sentiasa mematuhi peraturan dan arahan Universiti berkaitan perkara ini dan tidak bertindak melakukan sesuatu yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan tersebut pada setiap masa dan ketika.

Pelajar yang didapati tidak mematuhi peraturan ini boleh dikenakan saman dan dihadapkan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar serta boleh dikenakan hukuman di bawah Kaedah 48, Kaedah-kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

Rujuk Gambarajah 1 - Etika Pakaian Pelajar yang perlu di baca bersama Peraturan-Peraturan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Etika Berpakaian Dan Sahsiah Rupa Diri Pelajar) 2014




ETIKA PAKAIAN PELAJAR

WAKTU PEJABAT / RASMI
CONTOH PAKAIAN YANG DIBENARKAN



MENGHADIRI KULIAH / TUTORIAL & MENDUDUKI PEPERIKSAAN,
UJIAN / BERURUSAN DI PEJABAT / PERPUSTAKAAN / PUSAT
PENGAJIAN / INSTITUT / PUSAT, BAHAGIAN & PEJABAT KOLEJ



KEKEMASAN RAMBUT BAGI LELAKI



BAJU KORPORAT



BAJU BATIK



BAJU SUKAN

PERINGATAN

SEMUA PELAJAR DIKEHENDAKI MEMATUHI ETIKA PAKAIAN RASMI PELAJAR SEMASA BERURUSAN DENGAN PIHAK UNIVERSITI. TINDAKAN TATATERTIB BOLEH DIKENAKAN KEPADA PELAJAR YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN INI MENGIKUT KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR) 1999.

Gambarajah 1 : Etika Pakaian Pelajar

PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (ETIKA BERPAKAIAN DAN SAHSIAH RUPADIRI PELAJAR) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 26 Kaedah-Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris [P.U.(A) 265/1999], Naib Canselor membuat peraturan berikut :

NAMA, MULA BERKUATKUASA DAN PEMAKAIAN

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Etika Berpakaian Dan Sahsiah Rupadiri Pelajar) 2014 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Naib Canselor.

(2) Peraturan-peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris.

DEFINISI

2. Dalam peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“**kampus**” ertinya kampus Universiti Pendidikan Sultan Idris, termasuklah -

- (a) Kampus cawangan;
- (b) Kampus sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971; dan
- (c) Kawasan bersekali dengan segala bangunan atau struktur lain di atasnya, yang dipunyai atau digunakan, sama ada untuk selama-lamanya atau selainnya oleh Universiti;

“**Naib Canselor**” ertinya Naib Canselor Universiti, dan termasuklah mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberi kuasa oleh Naib Canselor untuk bertindak bagi pihaknya;

“**orang yang diberi kuasa**” ertinya mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberi kuasa oleh Naib Canselor untuk bertindak bagi pihak Universiti;

“**pelajar**” ertinya seseorang pelajar berdaftar, selain pelajar di suatu institusi yang bersekutu dengan Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, prajazah, lepas ijazah atau lepas kedoktoran secara sepenuh masa atau sambil dalam, oleh atau dari Universiti dan termasuklah pembelalaran larak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah;

PERATURAN AM

3. (1) Semua pelajar hendaklah pada setiap masa dan ketika, mematuhi peraturan-peraturan dan arahan-arahan Universiti dan tidak bertindak melakukan sesuatu yang bertentangan dengan peraturan-peraturan dan arahan-arahan tersebut.

(2) Semua pelajar Muslim tidak boleh bertindak atau melakukan sesuatu yang bertentangan dengan peraturan dan hukum Islam, atau mengabaikan tanggungjawab Islam yang diwajibkan ke atas mereka sanna ada ketika bersendirian atau di tempat awam, di dalam atau di luar kampus.

(3) Semua pelajar termasuk pelajar bukan Islam dan pelajar antarabangsa hendaklah sentiasa mematuhi peraturan Universiti yang dibuat dari semasa ke semasa dan bertindak sesuai dengan sahsiah diri sebagai pelajar Universiti, sanna ada ketika bersendirian atau di tempat awam, di dalam atau di luar kampus.

PERATURAN BERPAKAIAN DI DALAM KAMPUS, SEMASA MENJALANI LATIHAN MENGAJAR ATAU INDUSTRI DAN MENGHADIRI MAJLIS ATAU URUSAN RASMI UNIVERSITI

4. (1) Semasa berada di dalam kampus, semua pelajar hendaklah sentiasa -
 - (a) Berpakaian kemas, sopan dan tidak melanggar peraturan Universiti; dan
 - (b) Mempamerkan kad pelajar, kecuali ketika menjalankan kegiatan sukan dan kokurikulum.
(2) Pelajar lelaki adalah dibenarkan tidak memakai tali leher ketika berada dalam kawasan kampus, kecuali diwajibkan oleh pensyarah masing-masing bagi sebarang tujuan pengajaran dan pembelajaran.

(3) Semua pelajar dilarang memakai pakaian atau aksesori yang melambangkan sebarang pertubuhan atau kumpulan tertentu yang boleh mengakibatkan ketidakharmonian atau ketenteraman Universiti terganggu.

(4) Semua pelajar dilarang mempamerkan sebarang unsur yang pada pandangan Naib Canselor atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Naib Canselor adalah bertentangan dengan moral yang baik atau mengandungi reka bentuk, perkataan atau frasa yang tidak diingini dari segi nilai atau norma.
5. Semasa menjalani latihan mengajar atau industri dan menghadiri majlis rasmi atau urusan rasmi Universiti –
 - (a) Pelajar dikehendaki berpakaian kemas dan sopan mengikut etika pakaian yang ditetapkan oleh pihak sekolah, industri atau penganjur dan tidak melanggar peraturan Universiti; dan

- (b) Pemakaian jeans adalah tidak dibenarkan.
6. Semasa menghadiri makmal, aktiviti sukan, aktiviti kebudayaan, aktiviti beruniform atau aktiviti pelajar -
- (a) pelajar hendaklah mematuhi etika pakaian dan peraturan yang ditetapkan dalam aktiviti tersebut;
 - (b) seluar pendek dan baju tanpa lengan hanya dibenarkan dipakai semasa melakukan aktiviti sukan dan sekitar gelanggang sukan sahaja; dan
 - (c) pakaian renang hanya dibenarkan dipakai semasa melakukan aktiviti renang dan ketika berada di dalam kawasan kolam renang sahaja.
7. Fakulti boleh memberi kelonggaran kepada pelajar-pelajar daripada Fakulti berkenaan sahaja untuk berpakaian seperti berikut bagi hari-hari tertentu –
- (a) T-Shirt berkolar semasa kuliah seni dan muzik, aktiviti amali, studio, bengkel dan persembahan; dan
 - (b) T-shirt berkolar dan *track bottom* untuk aktiviti fizikal, dan termasuk aktiviti bukan fizikal khusus bagi Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan.

PAKAIAN KHUSUS UNTUK PELAJAR LELAKI DAN PEREMPUAN

8. (1) Semua pelajar lelaki –
- (a) Hendaklah berpakaian yang sesuai dan sopan sebagai mahasiswa Universiti; dan
 - (b) Dilarang mengenakan pakaian dan berpenampilan seperti berikut –
 - (i) Memakai pakaian atau aksesori yang melambangkan sebarang pertubuhan atau kumpulan tertentu;
 - (ii) Memakai pakaian atau perhiasan diri yang menampakkan kekeliruan jantina;
 - (iii) Berseluar ketat;
 - (iv) Memakai seluar jeans, seluar pendek atau T-shirt ketika berurusan di pejabat dan menghadiri kuliah;
 - (v) Berambut panjang (sehingga mencecah kolar baju, menutup telinga dan mencecah kening), berekor, berwarna dan berfesyen rambut yang tidak kemas;
 - (vi) Berseluar pendek; dan
 - (vii) Memakai selipar ketika berurusan di pejabat dan menghadiri kuliah.
- (2) Semua pelajar perempuan –
- (a) hendaklah berpakaian yang sesuai dan sopan sebagai mahasiswa Universiti; dan
 - (b) dilarang mengenakan pakaian dan berpenampilan seperti berikut -
 - (i) memakai pakaian atau aksesori yang melambangkan sebarang pertubuhan atau kumpulan tertentu;
 - (ii) memakai pakaian atau perhiasan diri yang menampakkan kekeliruan jantina;

- (iii) memakai pakaian tanpa lengan, sendat dan menjolok mata;
- (iv) memakai kain atau skirt di atas paras lututi
- (v) memakai seluar ketat dan jeans;
- (vi) memakai seluar pendek ketika berurusan di pejabat dan menghadiri kuliah; dan
- (vii) memakai selipar ketika berurusan di pejabat dan menghadiri kuliah.

(3) Seseorang pelajar adalah dilarang memakai purdah di dalam kampus, termasuklah ketika menghadiri majlis rasmi anjuran Universiti atau mana-mana pihak yang diluluskan oleh Universiti di dalam atau di luar kampus kecuali sebagaimana yang diluluskan secara bertulis oleh Naib Canselor.

PENGUATKUASAAN

9. (1) Pihak penguatkuasa kepada peraturan ini adalah –
- (a) kakitangan akademik yang boleh –
 - (i) menasihati, memberi amaran atau kaunseling kepada pelajar berkenaan dengan peraturan ini; dan
 - (ii) menghalang mana-mana pelajar yang tidak mematuhi peraturan ini daripada memasuki kelas atau kuliah;
 - (b) pengetua kolej, felo asrama dan pegawai-pegawai hal ehwal pelajar yang boleh-
 - (i) menasihati, memberi amaran atau kaunseling kepada pelajar berkenaan dengan peraturan ini; dan
 - (ii) mengambil tindakan yang perlu dan munasabah selaras dengan peraturan ini;
 - (c) kakitangan perpustakaan dan pentadbiran yang boleh -
 - (i) membuat teguran secara terus kepada pelajar berkenaan dengan peraturan ini; dan
 - (ii) menghalang mana-mana pelajar yang tidak mematuhi peraturan ini daripada memasuki mana-mana ruang dalam kampus atau menggunakan kemudahan universiti.
 - (d) penasihat pertubuhan pelajar dan penasihat atau mentor pelajar yang boleh –
 - (i) menasihati, memberi amaran atau kaunseling kepada pelajar berkenaan dengan peraturan ini; dan
 - (ii) menghalang mana-mana pelajar yang tidak mematuhi peraturan ini daripada memasuki mana-mana ruang dalam kampus atau menggunakan kemudahan universiti.
 - (e) pegawai keselamatan yang boleh –
 - (i) mengambil tindakan awal dengan menghalang daripada memasuki atau meninggalkan kawasan kampus dan menyoal selidik pelajar yang didapati melanggar peraturan tersebut; dan
 - (ii) melaporkan kepada mana-mana pegawai hal ehwal pelajar bahawa satu melanggar peraturan ini disyaki telah berlaku

- (2) Mana-mana pelajar yang didapati telah berkelakuan yang melanggar peraturan ini boleh –
- (a) diberi amaran bertulis dan direkodkan ke dalam fail pelajar dan pangkalan data bagi pengesanan kesalahan berulang; atau
 - (b) dikenakan denda maksimum RM50 dengan diberikan notis dendaan untuk setiap kesalahan.

PENGECUALIAN

10. Tatacara berpakaian selain daripada yang dinyatakan di dalam peraturan ini hendaklah mendapat kebenaran khas daripada Naib Canselor.

Bertarikh pada 4 haribulan November 2014

Tarikh semakan :25 Jun 2024